

PERLEMBAGAAN BAGI

PERTUBUHAN INDUK

PERSATUAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA MALAYSIA(PERSADA)

(PPM-001-14-08011991)

FASAL 1 NAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PERSADA). Selepas ini disebut 'PERSADA'.

FASAL 2 PENGERTIAN

Pegawai Perancang Bandar dan Desa ertinya Pegawai Perancang Bandar dan Desa yang dilantik di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

FASAL 3 TEMPAT URUSAN

Alamat surat-menyurat dan tempat urusan PERSADA ialah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Blok F5, Kompleks F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62675 Putrajaya atau di tempat lain atau tempat - tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat PERSADA tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 4 LAMBANG

Seperti Lampiran 1

Konsep rekabentuk logo PERSADA meminjam ikon Prabola yang menggambarkan suatu wadah/alat penerimaan maklumat (dalam hal ini maklumat berkaitan dengan bidang Perancangan Bandar dan Desa). Maklumat yang diterima adalah jitu, tepat dan terkini dan sebagai pegawai Profesional dalam bidang Perancangan Bandar dan Desa akan menggunakan maklumat ini bagi tujuan perancangan kawasan bandar dan desa.

Logo tersebut dijanakan oleh huruf-huruf P, B, D yang membawa maksud Pegawai Perancangan Bandar dan Desa dan membentuk Prabola yang menghadap secara'slating' kelangit. Prabola disokong kedudukannya oleh tiang yang jika dilihat secara keseluruhan logo tersebut membentuk huruf R bermakna 'Reliable'.

Warna hijau dan hitam adalah warna utama perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa.

FASAL 5 OBJEKTIF

Objektif PERSADA ialah untuk :

- (1) Menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahli;
- (2) Menyatu dan menyalurkan tenaga ahli bagi memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha pembangunan untuk negara dan rakyat;
- (3) Meluaskan pengetahuan dan pemahaman ahli serta mengeratkan perhubungan antara ahli seperti menganjurkan seminar, kursus, ceramah, forum, perbincangan dan lain-lain aktiviti untuk ahli-ahli;
- (4) Memupuk perasaan berpersatuan di kalangan ahli dan meningkatkan semangat kerjasama antara ahli melalui penganjuran aktiviti-aktiviti sosial dan rekreasi;
- (5) Meningkatkan lagi imej bidang perancangan dan jabatan bagi memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan desa menjadi salah satu bidang yang terpenting dalam pembangunan negara; dan
- (6) Memupuk kerjasama serta perhubungan erat dengan perkhidmatan atau persatuan lain dalam sektor awam dan swasta yang mempunyai persamaan dari segi dasar dan pertubuhan.

FASAL 6 KEAHLIAN

(1) Kategori keahlian PERSADA ialah:

(a) Ahli Biasa

Setiap Pegawai Perancang Bandar dan Desa yang bertugas dengan kerajaan atau separa kerajaan serta badan berkanun adalah layak menjadi ahli biasa. Ahli Biasa berhak mengundi, melantik dan dilantik memegang jawatan, menyuarakan pendapat di dalam mesyuarat Agung dan berhak mendapat segala kemudahan yang tersebut di dalam pelembagaan.

(b) Ahli Kehormat

Mesyuarat Agung boleh memutuskan dengan mengikut majoriti untuk menganugerahkan taraf Ahli Kehormat kepada mana-mana perseorangan yang pada pendapat mesyuarat tersebut telah berjasa atau telah memberi perkhidmatan cemerlang dalam bidang perancangan bandar dan desa.

Ahli Kehormat boleh menyuarakan pendapat serta berhak menerima segala kemudahan PERSADA tetapi tidak berhak mengundi, melantik dan dilantik memegang mana-mana jawatan dalam PERSADA.

(c) Ahli Pesara

Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu yang telah bersara pilihan/wajib akan menjadi Ahli Pesara secara automatik.

Ahli Pesara tidak berhak mengundi, melantik, dan dilantik tetapi berhak menyuarakan pendapat di dalam Mesyuarat Agung dan tidak berhak mendapat segala kemudahan yang tersebut di dalam perlembagaan.

(d) Ahli Seumur Hidup

Setiap Ahli Biasa yang telah menjadi Ahli selama 10 Tahun dan masih berkhidmat adalah layak memohon menjadi ahli seumur hidup.

Ahli Seumur Hidup berhak mengundi, melantik dan dilantik memegang jawatan, menyuarakan pendapat di dalam Mesyuarat Agung dan berhak mendapat segala kemudahan yang tersebut di dalam perlembagaan.

(e) Ahli Bersekutu

Ahli Bersekutu merupakan ahli biasa yang telah berhenti sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa atau bertukar skim perkhidmatan selain skim perkhidmatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa dan masih berkhidmat dengan kerajaan atau separa kerajaan serta badan berkanun.

Ahli Bersekutu berhak mengundi dan melantik tetapi tidak boleh dilantik dan berhak menyuarakan pendapat di dalam Mesyuarat Agung dan berhak mendapat segala kemudahan yang tersebut di dalam perlembagaan.

(f) Ahli Bersekutu Seumur Hidup

Ahli Bersekutu Seumur Hidup merupakan Ahli Seumur Hidup yang telah berhenti atau bertukar skim perkhidmatan selain skim perkhidmatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa dan masih berkhidmat dengan kerajaan atau separa kerajaan serta badan berkanun.

Ahli Bersekutu Seumur Hidup berhak mengundi dan melantik tetapi tidak boleh dilantik dan berhak menyuarakan pendapat di dalam Mesyuarat Agung dan berhak mendapat segala kemudahan yang tersebut di dalam perlembagaan.

(g) Ahli Pesara Seumur Hidup

Ahli Pesara Seumur Hidup adalah Ahli Seumur Hidup dan Ahli Bersekutu Seumur Hidup yang telah bersara pilihan/ wajib.

Ahli Pesara Seumur Hidup tidak berhak mengundi, melantik dan dilantik dan tetapi berhak menyuarakan pendapat di dalam Mesyuarat Agung dan berhak mendapat segala kemudahan yang tersebut di dalam perlembagaan.

(2) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dihantar kepada Setiausaha untuk diluluskan. Setiausaha, dengan persetujuan Jawatankuasa, boleh menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

(3) Tiap-tiap permohonan yang pemohonannya telah diluluskan seperti yang dinyatakan di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahunan pertama seperti yang ditetapkan, diterima menjadi ahli PERSADA dan berhaklah ia sebagai Ahli.

FASAL 7 BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN

(1) Bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut: Bayaran

masuk Ahli Biasa RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh)

Yuran tahunan Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh)

Yuran dibayar sekali (one-off) bagi Ahli Seumur Hidup RM300 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus) tidak termasuk yuran tahunan tertunggak dan yuran tahunan semasa.

Tiada Yuran Tahunan dikenakan kepada Ahli Pesara, Ahli Seumur Hidup, Ahli Bersekutu Seumur Hidup dan Ahli Pesara Seumur Hidup.

(2) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih dari dua (2) tahun boleh diberi surat peringatan yang ditandatangani oleh bendahari atau wakilnya dan boleh dihilangkan hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.

(3) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi tiga (3) tahun, Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya sama ada digantung atau dipecat.

(4) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.

(5) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.

FASAL 8 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

(1) Mana-mana ahli yang hendak berhenti dari PERSADA mestilah memberi kenyataan bertulis kepada Jawatankuasa. Pemberhentian tidak diakui sah sebelum enam puluh (60) hari menerima jawapan rasmi daripada Jawatankuasa menyatakan tidak ada apa-apa hutang atau harta kepunyaan PERSADA yang masih di dalam simpanan.

(2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi perlembagaan PERSADA atau bertindak dengan cara yang mencemarkan nama baik PERSADA atau tidak menjelaskan yuran bagi (3) tahun, boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh jawatankuasa. Sebeleum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 9 MESYUARAT AGUNG

(1) Pengelolaan PERSADA ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

(2) Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada sesuatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda pelembagaan PERSADA.

(3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi PERSADA hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah :

- (a) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan PERSADA di dalam tahun lalu;
- (b) Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun lalu;
- (c) Membincangkan usul-sul yang dikemukakan, sekiranya ada.
- (d) Memilih ahli-ahli Jawatankuasadan juruaudit untuk 2 (dua) tahun yang akan datang; dan;
- (e) Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

(4) Setiausaha hendaklah menghantar satu notis, agenda mesyuarat dan borang usul kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan PERSADA.

(5) Ahli-ahli perlu mengemukakan usul sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat Agung dijalankan.

(6) Mesyuarat Agung Khas bagi PERSADA ini boleh diadakan:

- (a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau
- (b) Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada setiausaha PERSADA.

(7) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

(8) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

(9) Fasal 9(1) dan 9(2) di dalam perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atau permintaan ahli-ahli itu mengikut Fasal 9(6)(b), maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

FASAL 10 **JAWATANKUASA**

(1) Satu Jawatankuasa seperti berikut hendaklah dipilih, dua tahun sekali, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan iaitu:

Seorang Presiden

Dua (2) orang Naib Presiden ;

- Naib Presiden I

- Naib Presiden II

Seorang Setiausaha

Seorang Penolong Setiausaha (dilantik oleh Jawatankuasa)

Seorang Bendahari

Seorang Penolong Bendahari (dilantik oleh Jawatankuasa)

Sepuluh (10) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa termasuk empat (4) orang yang dilantik oleh Presiden.

(2) Pemegang-pemegang jawatan PERSADA ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam PERSADA ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.

(3) Nama-nama untuk Jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan kecuali empat (4) orang ahli Jawatankuasa biasa yang dilantik oleh Presiden dan seorang Penolong Setiausaha dan seorang Penolong Bendahari yang dilantik oleh Jawatankuasa. Naib Presiden II adalah dilantik dari kalangan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya tiada pencalonan diterima untuk Naib Presiden II, jawatan tersebut hendaklah diisi secara lantikan oleh Jawatankuasa dan diberikan status sebagai Naib Presiden II (dilantik oleh Jawatankuasa). Semua pegawai boleh dilantik semula setiap 2 tahun dan tidak melebihi 4 tahun bagi jawatan yang sama.

(4) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur aktiviti PERSADA dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan PERSADA mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.

(5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam setahun. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasatiga (3) hari sebelum mesyuarat. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang dari 4 orang ahli Jawatankuasabersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa Khas pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukumkan korum mesyuarat. Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad kecuali dibatalkan oleh Mesyuarat Agung.

(6) Jika timbul sebarang mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenai seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:

- a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli jawatankuasa;
- b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu;
- c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.

(7) Ahli Jawatankuasa yang tidak hadir mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan boleh diberi amaran oleh Presiden.

(8) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia, meletakkan jawatan atau bersara, maka Jawatankuasa berkuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga pemilihan dalam mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

(9) Jawatankuasa boleh memberikan arahan kepada Setiausaha dan ahli-ahli lain menjalankan urusan PERSADA, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai dalam di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan PERSADA.

(10) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

FASAL 11 KEWAJIPAN –KEWAJIPAN JAWATANKUASA

(1) Presiden, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadikan Pengerusi kepada semua Mesyuarat Agung dan semua Mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutusan dan hendaklah ia menandatangani catatan mesyuarat.

(2) Naib Presiden I bertanggungjawab membantu tugas-tugas Presiden dan memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.

(3) Naib Presiden II yang dilantik dilantik di kalangan pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) bertanggungjawab membantu tugas-tugas Presiden dalam hal ehwal kebajikan dan perkhidmatan ahli-ahli PERSADA dari PBT.

(4) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran PERSADA mengikut perlembagaan dan hendaklah ia menjalankan keputusan Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat, dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah setiap ahli. Ia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengiriskan penyata tahunan PERSADA kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.

(5) Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

(6) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan PERSADA. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.

(7) Penolong Bendahari hendaklah membantu bendahari menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan bendahari.

(8) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 12 KEWANGAN

(1) Tertakluk kepada peruntukkan-peruntukkan yang berikut bagi peraturan ini wang PERSADA ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan PERSADA, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa akaun. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.

(2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Akaun bank itu hendaklah di atas nama PERSADA.

(3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun PERSADA hendaklah ditandatangani oleh dua (2) daripada (3) orang ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada Presiden, Setiausaha dan Bendahari.

(4) Perbelanjaan yang lebih daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Ribu) sekaligus bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu) bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Presiden bersama Setiausaha dan Bendahari.

(5) Penyata prihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh bendahari dan diperiksa oleh juruaudit yang dilantik di bawah fasal 13 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli ditempat urusan PERSADA.

(6) Tahun kewangan PERSADA ini bermula dari 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

(7) Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dan tajaan dalam bentuk wang dan barangan. Sumbangan dan tajaan berbentuk wang hendaklah diisytihar dengan jelas dan tepat dalam Penyata Tahunan pertubuhan.

(8) Pertubuhan ini dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan bagi tujuan menampung perbelanjaan aktiviti PERSADA. Bagi maksud menjalankan perniagaan, ianya perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan semasa Kerajaan Malaysia. Jawatankuasa boleh menentukan apa-apa perniagaan termasuklah memperolehi atau menyewa atau memajak tanah atau bangunan, atau menyewakan atau memajakkan semula kepada pihak ketiga bagi tujuan perniagaan. Bayaran gaji dan elaun kepada pihak terlibat dengan aktiviti perniagaan tersebut boleh dibayar berdasarkan jumlah yang sesuai yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

FASAL 13 **JURUAUDIT**

(1) Dua (2) orang yang bukannya Ahli Jawatankuasa PERSADA hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.

(2) Sebarang kekosongan juruaudit yang berlaku disebabkan oleh perletakkan jawatan, kematian atau bersara sebelum Mesyuarat Agung Tahunan, Jawatankuasa boleh membuat perlantikan baru dikalangan ahli PERSADA dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Juruaudit adalah dikehendakki memeriksa kira-kira PERSADA bagi setahun bagi membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka boleh pada bila-bila masa diarahkan oleh Presiden mengaudit akaun PERSADA di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 14 **PENTADBIR HARTA**

(1) PERSADA boleh membeli, membajak atau memperolehi tanah dan membina di atasnya apa-apa bangunan dan kegunaan, atau hasil daripada tanah, atau bangunan itu adalah semata-mata untuk mencapai tahun dan cita-cita PERSADA.

(2) Semua harta PERSADA hendaklah dinamakan atas nama PERSADA. Pemegang jawatan semasa dalam Jawatankuasa iaitu Presiden, Setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik sebagai Pegawai Pentadbir Harta mengikut Seksyen 9(b) Akta Pertubuhan 1966 dimana sijil pengesahan akan dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan mereka. Mereka diamanahkan semua harta kepunyaan PERSADA untuk di tadbir. Mereka akan menjalankan tugas sebagai Pegawai Tadbir Harta selagi mereka memegang jawatan berkenaan di dalam PERSADA.

(3) Pegawai Pentadbir Harta tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan PERSADA tanpa persetujuan Mesyuarat Agung PERSADA.

(4) Sekiranya seseorang Pegawai Tadbir Harta itu tidak lagi memegang jawatan dalam PERSADA, maka kuasanya sendirinya akan terlucah. Jawatankuasa berkuasa melantik ahli lain bagi mengisi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung akan datang.

FASAL 15 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN

(1) Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam perlembagaan ini.

(2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 16 PENASIHAT/PENAUNG

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (seperti ditafsirkan di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)) hendaklah menjadi penaung kepada PERSADA secara automatik. Penaung adalah dikecualikan daripada membayar yuran. Beliau berhak menerima segala kemudahan PERSADA.

FASAL 17 LARANGAN

(1) Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Jadual 1 dan 2, Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 tidak boleh dimainkan di premis PERSADA.

(2) PERSADA atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil

peranan di dalam gerakan kesatuan kerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959;

(3) "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh PERSADA kepada mana-mana ahlinya.

FASAL 18 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada perlembagaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 19 PEMBUBARAN

(1) PERSADA boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu Mesyuarat Agung dipanggil khas kerananya.

(2) Sekiranya PERSADA hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan PERSADA yang sah mengikut perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung berkenaan.

(3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

LAMPIRAN

1. Bendera

-

2. Lambang



3. Lencana

-